



TARIKH	SELASA, 10 DISEMBER 2019
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	LYNAS PILIH KALGOORLIE TAPAK PROSES AWAL SEBELUM HANTAR KE MALAYSIA
M/S	20
BIDANG	LYNAS
KATA KUNCI	LYNAS CORP

Lynas pilih Kalgoorlie tapak proses awal sebelum hantar ke Malaysia

Bengaluru: Pelombong nadir bumi Australia, Lynas Corp memilih sebuah kawasan pedalaman, iaitu di bandar Kalgoorlie sebagai tapak baharu loji pemprosesan bahan awal penguraian radioaktif aras rendah yang akan dihantar ke Malaysia untuk proses akhir.

Dalam satu kenyataan, penganalisis utama nadir bumi global di luar China itu berkata, loji baharu yang dirancangkan di Australia Barat itu akan menjadi sebahagian daripada strategi pertumbuhannya yang bernilai

AS\$800 juta (RM1.42 bilion) dalam usahanya meningkatkan pengeluaran menjelang 2025.

Selepas berlaku ketegangan dengan Kuala Lumpur mengenai keseimbangan alam sekitar operasinya di Malaysia, Lynas diberikan tempoh empat tahun untuk membina kilang pelupusan radioaktif peringkat rendah dari bahan yang dikirimkan ke negara Asia Tenggara untuk diproses menjadi unsur penting bagi produk komponen jet pejuang hingga ke ladang angin.

Kalgoorlie terletak kira-kira empat jam pemanduan dari lombong Lynas di Gunung Weld, yang kini membekalkan nadir bumi pekat ke pantai untuk dihantar ke kemudahan pemprosesan di Malaysia. Kawasan itu dipilih lebih awal daripada dua kawasan yang disenarai pendek, yang mana juga terletak di wilayah Goldfields.

"Kami juga mengulukan sokongan dari kerajaan Australia Barat dan Kerajaan Australia untuk memperkasakan industri mineral yang kritikal di rantau Kalgoorlie," kata Ketua Pegawai Eksekutif Lynas, Amanda Lacaze dalam satu kenyataan.

Sementara itu, Lynas juga berkata, ia sedang meneliti pilihan untuk pengkestrakan pelarut di peringkat hulu di Australia Barat. REUTERS

 **Loji baru dirancangkan di Australia Barat itu akan jadi sebahagian daripada strategi pertumbuhan bernilai AS\$500 juta (RM1.42 bilion) dalam usaha tingkat pengeluaran menjelang 2025.**

Kenyataan Lynas Corp

DISEDIAKAN OLEH	1-MOHD SHA AFFANDI BIN MD ARIPI (N41), BPM 2-RAJA MUSFARIZAL BINTI RAJA MUHAMAD (S19), BPM UNIT PERKHIDMATAN MAKLUMAT, BPM
-----------------	--